

Proton berupaya jadi kereta nombor satu di dunia - PM

MALAYSIAN - 3 DEC 1981

SHAH ALAM 2 Dis. - Kereta nasional Proton Saga yang berharga murah dan berkualiti baik yang mendapat sambutan diluar dugaan berkeupayaan menjadi kereta nombor satu dan terbaik di dunia, kata Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, perkara ini bukanlah sesuatu yang mustahil kerana semasa melancarkan projek kereta nasional itu, ada pihak berkata ia merupakan

'projek gila' dan Malaysia tidak mampu berbuat demikian.

"Semasa melancarkan perusahaan ini, ada yang was-was sama ada akan mencapai kejayaan atau tidak tetapi hari ini tidak ada lagi perasaan was-was, tidak ada yang mustahil sebaliknya Malaysia mampu mengeluarkan Proton yang istimewa bukan saja di dalam negeri tetapi di luar negeri khususnya di United Kingdom," katanya.

Sambil melahirkan ra-

sa bangganya, beliau berkata tanda-tanda Proton menjadi kereta terbaik di United Kingdom ialah apabila memenangi anugerah cemerlang iaitu mendapat dua pingat emas, satu perak dan menjadi kereta terbaik dalam pertandingan kereta tarik.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata demikian semasa berucap kepada kira-kira 1,000 orang kakitangan Proton di pelancaran kereta yang ke-150,000 untuk pasaran tempatan dan yang ke-

10,000 bagi United Kingdom di kilang Proton di sini petang ini.

Bagi mencapai matlamat menjadi kereta terbaik di dunia, Perdana Menteri menggesa para pekerja termasuk pengurusan berusaha meningkatkan keupayaan mereka untuk menghasilkan kereta yang lebih berkualiti.

"Kita mesti ada minat dan semangat mencapai satu pencapaian yang tinggi. Kalau kita bekerja untuk menentukan yang terbaik, saya yakin satu hari nanti kita akan dapat mengeluarkan keluaran yang terbaik sekali dalam dunia," katanya.

Di samping itu juga beliau mengingatkan pe-

kerja-pekerja supaya berbangga dengan apa yang telah dicapai dan tidak merasa rendah diri dan terhina dengan orang lain sehingga menganggap orang lain sahaja yang boleh melakukannya.

Para pekerja menurut beliau harus menunjukkan minat dan tidak terpesong dengan perkara-perkara lain yang boleh menghalang kejayaan Proton.

Perdana Menteri juga mahu para pekerja mempunyai semangat untuk belajar sehingga boleh menguasai semua kecekapan yang diperlukan dan mereka tidak seharusnya merasa malu untuk belajar dari pihak-pihak yang lebih berjaya.